

15/08/1998

Muhyiddin gesa jaga imej negara

Hussain Said

TIADA sebarang ingatan mahupun amaran buat atlit serta pegawai `nakal' ketika Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI dari 11 hingga 21 September nanti.

Sebaliknya, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, menaruh keyakinan atlit serta pegawai kontinjen negara sudah cukup memahami tanggungjawab masing-masing.

Menurutnya, mereka sudah faham imej negara harus diutamakan, lebih-lebih lagi temasya itu berlangsung di gelanggang sendiri.

Katanya, ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah cukup jelas dan tepat serta berharap ia dihayati atlit dan pegawai.

"Saya rasa tidak perlu diberi ingatan mahupun amaran. Saranan Perdana Menteri sudah cukup jelas. Apa yang perlu, atlit serta pegawai yang terpilih mewakili negara harus mematuhi peraturan," katanya semalam.

Dia berkata demikian selepas mempengerusikan taklimat protokol di kementeriannya. Turut hadir, Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Menurut Muhyiddin, perkara remeh-temeh ketika ini harus diketepikan, sebaliknya tumpuan harus dijuruskan dalam meningkatkan latihan serta keupayaan.

"Atlit harus memberi yang terbaik selepas berkorban dalam tempoh yang lama untuk temasya ini. Jangan sia-siakan dan beri yang terbaik. Itu saja," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin menyerahkan kepada budi bicara Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk membuat pemilihan sesuai sekiranya diperlukan untuk menggantikan tempat penembak, Nurul Hudda Baharin serta Irina Maharani.

Bagaimanapun, Muhyiddin percaya kedua-dua penembak itu masih berpeluang mewakili negara dalam temasya itu.

"Saya percaya Nurul mempunyai semangat yang kuat dan boleh beraksi ketika temasya itu nanti. Namun, saya serahkan kepada MOM untuk membuat pemilihan yang sesuai sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.

Nurul Hudda, yang menjadi pertaruhan negara untuk meraih pingat emas, terbabit dalam kemalangan jalan raya Isnin lalu manakala Irina yang diberi taraf kerakyatan, dilaporkan hilang tanpa khabar berita.

(END)